

Tan Sri Dato' Sri Prof Ir Dr SAHOL HAMID Abu Bakar, FASc
P.S.M., S.S.A.P., D.J.M.K., D.P.M.S., D.S.P.N., D.J.N., B.C.N., D.S.M.
Dr.-Ing.E.h.(Stuttgart), D.Phil. (C.Eng)(Sussex), MSc. (C.Eng)(Colorado),
MSc. (Econ)(Colorado), B.Eng (Hons.) (ITM), FIEM, P.Eng

NAIB CANSOLOR
PRESIDENT / VICE CHANCELLOR

Universiti Teknologi MARA
Aras 6, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam Selangor Darulhsan, MALAYSIA
Tel: +603 5544 2001 / 2222
Faks: +603 5544 2030 / 2223
E-mel: sahol@salam.uitm.edu.my



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Rujukan Kami : 100-JKK (PT. 6/2)
Tarikh : 08 Mei 2015

Dekan Fakulti/ Ketua Bahagian/
Rektor Kampus Negeri/ Staf Akademik
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

YBhg Dato'/ Datin/ Prof/ Tuan/ Puan

**LARANGAN STAF AKADEMIK MENGAMBIL CUTI PERSENDIRIAN SEMASA MINGGU
KULIAH DAN PEPERIKSAAN**

Sukacita merujuk kepada Pekeliling Naib Canselor Bil. 21/2008 bertarikh 31 Julai 2008 dan Bil. 04/2010 bertarikh 16 Mac 2010.

2. Dukacita dimaklumkan bahawa masih terdapat Staf Akademik yang kerap mengambil cuti persendirian semasa minggu kuliah dan peperiksaan walaupun telah terdapat pekelling yang jelas menyatakan larangan berbuat demikian.
3. Oleh itu, saya menyeru kepada semua Dekan Fakulti/ Ketua Bahagian dan Rektor agar memandang serius akan arahan tersebut serta meneliti dan memperhalusi dengan sebaik mungkin setiap permohonan bercuti oleh Staf Akademik semasa minggu kuliah dan peperiksaan sebelum dimajukan kepada saya untuk proses kelulusan.
4. Disertakan bersama-sama ini Pekeliling Naib Canselor Bil. 21/2008 bertarikh 31 Julai 2008 dan Bil. 04/2010 bertarikh 16 Mac 2010 untuk diteliti oleh YBhg Dato'/ Datin/ Prof/ Tuan/ Puan dan seterusnya meuar-uarkan kepada semua Staf Akademik.

Sekian.

Yang benar

SAHOL HAMID ABU BAKAR
Naib Canselor

Disertakan/-